



UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN  
PENGURUSAN MALAYSIA (MAMPU)  
JABATAN PERDANA MENTERI  
ARAS 6, BLOK B2  
KOMPLEKS JABATAN PERDANA MENTERI  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62502 PUTRAJAYA



Telefon : 03-88723000  
Faks : 03-88883721  
Laman Web : www.mampu.gov.my

Ruj. Kami : MAMPU.BPICT.700-4/2/12 ( 41 )

Tarikh : **21** Julai 2010

Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang  
Wisma Sri Pahang  
25503 Kuantan,  
**PAHANG**  
(u.p: Encik Baharudin Bin Mahamad)

Puan,

## **PENUBUHAN PASUKAN PENGENDALIAN INSIDEN *COMPUTER* EMERGENCY RESPONSE TEAM (CERT) PAHANG**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada surat tuan Bil. SUK.PHG/PTM.007/7.006 Jld.2 (54) bertarikh 28 Jun 2010 berhubung perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa MAMPU ambil maklum mengenai penubuhan CERT Agensi melalui kertas Cadangan Penubuhan CERT Kerajaan Negeri Pahang yang diluluskan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang pada 16 Jun 2010. MAMPU mengucapkan tahniah kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang di atas penubuhan CERT PAHANG dan seterusnya menyahut hasrat kerajaan dalam pembangunan modal insan.

3. Bagi merealisasikan penubuhan CERT PAHANG, Kerajaan Negeri Pahang dipohon memaklumkan kepada semua warga agensi mengenai :

- a) penubuhan CERT PAHANG yang akan mengendalikan insiden keselamatan ICT di Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang dan agensi kawalannya;
- b) keahlian CERT PAHANG; dan



- c) tanggungjawab pegawai dan kakitangan Setiausaha Kerajaan Negeri dan agensi kawalannya melaporkan insiden pelanggaran keselamatan ICT kepada CERT PAHANG.

4. Semoga dengan pelaksanaan CERT PAHANG, pengurusan pengendalian insiden keselamatan ICT akan berjalan lancar di bawah pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang. MAMPU akan memberi kerjasama dalam menjayakan program-program kesedaran ICT yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Pahang.

5. Kerjasama tuan dalam penubuhan CERT PAHANG amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**“BERSAMA MELAKSANA TRANSFORMASI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**( OSMAN BIN ABD. AZIZ )**  
Bahagian Pematuhan ICT  
b.p. Ketua Pengarah  
Unit Pemodenan Tadbiran dan  
Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)  
Jabatan Perdana Menteri.